Bahasa Melayu Terengganu

Bahasa Melayu Terengganu (tulisan Jawi: بهاس ملايو ترڠكانو) adalah bahasa lisan setempat yang digunakan di negeri Terengganu, Malaysia kecuali di Pulau Perhentian, daerah Besut dan bahagian utara daerah Setiu di utara Terengganu kerana kebanyakan masyarakat di sana menggunakan Bahasa Melayu Kelantan. Bahasa ini juga dituturkan di luar negeri Terengganu seperti di pesisir sebelah timur Pahang (kuantan, pekan, rompin) , Johor (Mersing, sedili) dan sehingga ke Kepulauan Anambas, Indonesia.Walaupun loghat ini kadangkala tidak dapat difahami penutur bahasa Melayu standard, namun ia mempunyai banyak persamaan.

Bahasa Melayu Terengganu
بهاس ملايو ترڠكانو

Base Ganu/Base Tranung/Cakak Tranung

Asli di	Malaysia
Wilayah	Terengganu, Pahang, Johor, dan Kepulauan Anambas, Indonesia
Etnik	Melayu Terengganu
Penutur asli	1,300,900-1,500,000 (1998) (*tiada tarikh*)
Keluarga bahasa	Bahasa Austronesian ▪ Melayu-Polinesia (MP) ▪ MP Nuklear ▪ Sunda-Sulawesi ▪ Malayik ▪ Malayan ▪ Melayu Tempatan ▪ **Bahasa Melayu Terengganu بهاس ملايو ترڠكانو**
Sistem penulisan	Tulisan Rumi, Tulisan Jawi
Kod bahasa	
ISO 639-3	-

Isi kandungan

Contoh perbezaan

Sabdu

Bunga bahasa

Kata Penguat Terengganu

Dialek Hulu Terengganu

Contoh 1:
Contoh 2:
Contoh 3:
Contoh 4:
Contoh 5:
Contoh 6:
Contoh ayat

Lihat juga

Dialek yang sama dengan dialek Terengganu sahaja, bukan dialek Hulu Terengganu

Pautan luar

Contoh perbezaan

Bahasa Melayu piawai dan bahasa Melayu Terengganu

Bahasa Melayu piawai	Bahasa Melayu Terengganu
saya / kami	ambe, kite
awak / kamu / anda	deme, mung
acap kali / kerap / sentiasa	sokmo,kerek
boleh	buleh
menipu / berbohong	lebong, plawok, nawok,cong, lipak, kuca
takut	kesit, serung , kurik ,ngerik
kedekut	lokek, kupik, kemut, dekuk ,medik
tergesa-gesa / gelojoh	lorak, gaduh, cakduh ,selor bolor, baga
nasi	nasik
beritahu	royak, kkabor
berlanggar / kemalangan	blanggor, eksideng (accident), tepoh
melanggar / terlanggar	tepoh, langgor
rambutan	moktang
tak ada apa-apa	tak dok mende
mengigil / terketar-ketar	kenaling, ketor
payah, susah	rohok
terasa ngilu / kebas	serebang
tidak berdaya	lepek, dok rok
cemas	debor
bosan	puahsang, sumbak
kekejangan	nyetok
tak pe lah	dakpe lah, bior lah
jongkang jongket (permainan kanak-kanak)	congek cakdung
bodoh	bongok, benok ,songo, tongong
gila / kurang siuman	mereng, iseng
lateks (susu getah yang sudah beku)	pot getoh
manja	denel ,mue , gelenya
bawah	Birat
Tepi	Bira

Lazimnya,kebanyakan perkataan Bahasa Melayu Terengganu mempunyai unsur penambahan akhiran **ng**. Kebiasaannya ia digunakan dalam perkataan yang berakhir dengan **n** ataupun **m**. Contohnya,

Bahasa Melayu Standard	Bahasa Melayu Terengganu
Makan	Makang
Kamu	Mung
Malam	Malang
Selam	Selang
Masam	Masang
Ketam	Ketang

Huruf 'r' dibunyikan seperti bunyi 'gh'.

Contoh:

Bahasa Melayu Standard	Bahasa Melayu Terengganu
o**r**ang	O**gh**ang
Ramai	**Gh**ama
Be**r**ani	Be**gh**ani

Huruf vokal diftong **i** dan **u** pada akhiran perkataan akan dihilangkan.

Contohnya,

Bahasa Melayu Standard	Bahasa Melayu Terengganu
Ram**ai**	Rama
Seng**au**	Senga
Ser**ai**	Sera
Sil**au**	Sila

Vokal 'a' ditengah suku kata terakhir perkataan digugurkan dan digantikan dengan vokal 'o'. Contoh:

Bahasa Melayu Standard	Bahasa Melayu Terengganu
Teng**a**h	Tengoh
Per**a**k	Peghok
Sekol**a**h	Skoloh
Sump**a**h	Supoh (konsonan m *digugurkan*)

Vokal 'a' dihujung perkataan digugurkan dan digantikan dengan vokal 'e' pepet(sama seperti bahasa Melayu biasa). Contoh:

Bahasa Melayu Standard	Bahasa Melayu Terengganu
Lam**a**	Lame
Mas**a**	Mase
Bias**a**	Biase
Bagaiman**a**	Guane (*kata khas yang seerti*)
Tidak mengap**a**	Dakpe (*kata khas yang seerti*)
Kenap**a**	Bakpe (*kata khas yang seerti*)
Serup**a**	Serupe/Supe

Konsonan **m** dan **n** ditengah perkataan digugurkan. Contoh:

Bahasa Melayu Standard	Bahasa Melayu Terengganu
La**m**pu	Lapu
Mena**n**tu	Natu
Pa**n**tang	Patang
Tu**m**pah	Tupoh
Me**n**tol	Metol

Kosonan **s**,**f** akan ditukarkan menjadi h. Contoh:

Bahasa Melayu Standard	Bahasa Melayu Terengganu
Sa**f**	Soh (juga bermaksud sah)
Ata**s**	Atah, datah
Ema**s**	Mmah
Cema**s**	Cemah
Mala**s**	Malah,Malassang

Kebiasaannya,huruf konsonan yang hadir sebelum huruf vokal pada awalan perkataan akan dihilangkan dan hanya dibunyikan huruf vokalnya sahaja.

Contoh:

Bahasa Melayu Standard	Bahasa Melayu Terengganu
Makan	**a**kang
Nasi	**a**sik
Hangus	**a**nguh
Bodoh	**o**ddo
Tengok	**e**ngok
Mana	**a**ne
Sedap	**e**dak

Sabdu

Peranan sabdu dalam loghat Terengganu adalah begitu besar maksudnya. Penggunaan sabdu akan menyebabkan susunan struktur perkataan tidak berubah. Satu perkataan boleh mempunyai dua maksud yang berbeza, sabdu akan membezakan makna istilah, struktur perkataan atau dialog yang ingin di maksudkan oleh pengguna loghat Terengganu.

Bersabdu (Bahasa Terengganu)	Tanpa sabdu (Beza maksud yang ketara)	Perkataan yang dimaksudkan
Rupuk makang **Ll**embu /rũput makang llembu/	Rumput makan lembu /rumput makan llembu/	Rumput dimakan oleh lembu
dok **pp**akaa	tak pakai	tidak boleh pakai / tidak berguna
makang **kk**eda	makan kedai	makan di kedai
kkabo	kabar / cakap	cakap
kkepik	kapit	tersepit
MMusang	Musang	Panas baran
Ccakak	Larat	Cakap

Selain penggunaan sabdu , bahasa terengganu juga turut menggunapakai kata "bah" di hadapan kata kerja untuk menyatakan bentuk kata kerja pasif. Kata kerja yang hadir selepas "bah" pula dibunyikan sabdunya.

Contoh ayat	Maksud
Rupuk **bah** mmakang nge/ngang lembu	Rumput dimakan oleh lembu
ye **bah** llebong nge llaki tu.	Dia ditipu oleh lelaki tu.
sakning ambe nge saeng ambe **bah** rretak nge awok pale haliang oh.	Tadi saya dan rakan saya dibuli oleh kumpulan samseng itu.

Bunga bahasa

Bunga bahasa	Maksud
Yak moktang!	Opocot! / Opps! (Terkejut)
Yedok or?	Betul ke ni? (Biasanya untuk menyatakan was-was, tidak percaya.)
Jjadi	Menjadi... / Jadi... (Biasanya untuk menyatakan kejayaan selepas melakukan sesuatu, berjasa atau berguna.)
Pahhtu?	Habis tu... / Macam mana... (Biasanya untuk pertanyaan *selepas itu?* atau ingin pengesahan atau persetujuan.)
Hoolah (Bunyi naik ke hidung.)	Ya lah... (Biasanya untuk menyatakan persetujuan.)
Dock?	Bukan? / Betul tak? (Persoalan.)
Lamekang lebong	Takut kena tipu je..
Gelenyor teh	Miangnya! / Gedik
Cer tra (try) weh/gok	Cubalah

Kata Penguat Terengganu

Loghat Terengganu juga mempunyai beberapa kata penguat yang unik bagi menunjukkan peri pentingnya sesuatu sifat atau keadaan tersebut. Contoh:

Warna

Hitang Beletung - terlalu hitam

Putih Sepuk - terlalu putih

Kuning Sior - terlalu kuning

Meroh Nyale - terlalu merah

Bau

Busuk Kohong - terlalu busuk

Busuk Hapok - terlalu busuk

Hacing Pering - sangat hancing

Hanyir Mekok - terlalu hanyir

Wangi Mekok - sangat wangi

Tengik Bangor - sangat tengik

Rasa

Masing Pekok - sangat masin

Manih Leting - sangat manis

Tawo Hebe - sangat tawar

Pahik Lepang - sangat pahit

Masang Rebang - sangat masam

Adjektif

Musing Ketang - keadaan tak menentu / berpusing-pusing

Guling Bating - jatuh terguling-guling

Pendek Ketok - terlalu pendek

Gemok Debok - sangat gemuk

Panjang Jeta - terlalu panjang

Aluh Seriak/Siak - terlalu kecil/halus (nanotech)

Aluh Siatak - sangat halus

Berak Nanang - sangat berat

Rengang Belepong - sangat ringan

Come Lote - sangat cantik

Besor Jalo - sudah besar

Kuruh Keding - sangat kurus

Bulat Getel - sangat bulat

Dok Rok Skepeng - tidak berdaya

Huyong Hayang - tidak stabil

Kecik Luek - sangat kecil

Laju Beribok - sangat laju

Toho Lepeh - aras air yang sangat tohor

Panas Dering - sangat panas (cuaca)

Sejuk Ketor - sangat sejuk (cuaca)

Tinggi Sayut - sangat tinggi

Kembang Semuwek - sangat kembang

Kecut Berut - sudah layu

Semak Jetak - sangat tampan (lelaki)

Uduh Sepang - sangat hodoh, buruk

Lama Bejamang - sangat lama (masa, waktu)

Bising Bangor - sangat bising

Senyap Tupah - terlalu senyap

Kubang Hanyar - terlalu bersepah

Licing Reling - kemas, tidak bersepah, sangat bersih

Basoh Belejung - sangat basah, tempat yang berair

Sikak Tunggeng - terlalu singkat (ukuran)

Dialek Hulu Terengganu

Hulu Terengganu dikatakan dialek melayu tertua di semenanjung.Dialek ini didapati masih mengekalkan ciri-ciri austronesia kuno di mana bentuk ini boleh dijumpai di pesisir pantai Borneo Utara,pergunungan Maluku,pergunungan Sumatera Selatan dan gugusan kepulauan Thailand.Bahasa ini mempunyai cara sebutan atau ciri fonologi yang berlainan dari penutur Bahasa Melayu Terengganu (hilir) di tempat lain. Penutur dalam dialek Hulu Terengganu ini juga boleh ditemui di beberapa buah kampung di Hulu Nerus, Setiu dan Hulu Sungai Dungun. Dialek Hulu Terengganu juga berbeza mengikut kawasan, contohnya kawasan Kuala Berang dengan kawasan sekitar Tasik Kenyir mempunyai dialek yang sedikit berbeza. Kadang kadang ada juga perkataan yang disebut oleh sesetengah orang Hulu Terengganu tidak difahami oleh orang Terengganu yang lain disebabkan penggunaan perkataan itu yang hanya digunakan oleh sekelompok orang sahaja terutamanya di pedalaman daerah Hulu Terengganu. Contoh di bawah ialah Dialek Hulu Terengganu kawasan Kuala Berang-Sekayu

Contoh 1:

Huruf vokal "a" pada akhir perkataan akan berbunyi "ey", berbeza dengan bahasa Terengganu Standard yang berbunyi "e"

Bahasa Melayu Biasa - Dialek Terengganu - Dialek Hulu Terengganu

Kamu - Deme - Dimey/Mikey

Kenapa - Bakpe - Bakpey

Apa - Mende - Mendey

Nangka - Nake - Nakey

Bila - Bile - Biley

Contoh 2:

Vokal "o" akan menjadi "u" di sebahagian perkataan

Orang - Orang - Urang/Uraong

Tengok - Tengok - Tinguk

Bengkak - Cobong - Cubong

Tolong - Tolong - Tulong

Musang - Bokbong - Bukbong

Korek - Korek - Kurek

Contoh 3:

Sesetengah vokal "e" akan menjadi "i"

Tengok - Tengok - Tinguk

Baling - Petong - Pitong

Alat sukat beras - Cetong - Citong

Contoh 4:

Sesetengah huruf di akhir perkataan "ik" menjadi "aik"

Balik - Balik - Balaik

Keluar - Tubik - Tubaik

Contoh 5:

Sesetengah huruf di akhir perkataan "un" atau "ong" dalam Dialek Terengganu menjadi "aong"

Turun - Turong - Turaong

Jagung - Jagong - Jagaong

Contoh 6:

Sesetengah huruf di akhir perkataan "ar" atau "or" dalam Dialek Terengganu menjadi "a"

Gahar - Gahor - Gaha

Benar - Benor - Bena

Lapar - Lapor - Lapa

Sabar - Sabor - Saba

Contoh ayat

1. Bahasa Melayu Pasar - Kamu nak ke mana?, saya nak ikut juga, tapi saya nak pulang makan dulu, perut ni terasa lapar

2. Dialek Terengganu - Deme nok gi mane?, ambe nok ikut gok, tapi ambe nok balik dulu nok makang, perok wase lapor ekpong

3. Dialek Hulu Terengganu (Kuala Berang - Sekayu) - Dimey/Mikey nok gi duaney/kuaney?, ambey nok ikut ugey, tapiy ambey nok balaik dulouh nok makang, peruk ni brasey lapa

Lihat juga

- Bahasa Melayu Pattani
- Bahasa Melayu Kelantan
- Bahasa Melayu Pahang

Gedung Bahasa Melayu Terengganu dari Wikisource

Dialek yang sama dengan dialek Terengganu sahaja, bukan dialek Hulu Terengganu

- Bahasa Melayu Kedah Hulu
- Bahasa Melayu Perak Hulu

Pautan luar

Rencana ini ialah rencana tunas. Anda boleh membantu Wikipedia dengan mengembangkannya (https://ms.wikipedia.org/w/index.php?title=Bahasa_Melayu_Terengganu&action=edit).

Jika anda melihat rencana yang menggunakan templat {{tunas}} ini, gantikanlah ia dengan templat tunas yang lebih spesifik.

Wikimedia Commons mempunyai media berkaitan ***Bahasa Melayu Terengganu (https://commons.wikimedia.org/wiki/Category:Malay_language?uselang=ms)***

Diambil daripada "https://ms.wikipedia.org/w/index.php?title=Bahasa_Melayu_Terengganu&oldid=4752215"

Laman ini kali terakhir disunting pada 20:11, 29 Mac 2020.

Teks disediakan dengan Lesen Creative Commons Pengiktirafan/Perkongsian Serupa; terma tambahan mungkin digunakan. Lihat Terma Penggunaan untuk butiran lanjut.